



MALAYSIA KOS MENJALANKAN PERNIAGAAN

Malaysia: Pusat Keuntungan Anda di Asia



www.mida.gov.my

Objektif brosur ini adalah bagi membolehkan para pelabur untuk membuat penilaian awal kepada kos bagi menjalankan perniagaan di Malaysia. Para pelabur yang memerlukan maklumat terperinci boleh menghubungi ibu pejabat MIDA di Kuala Lumpur atau pejabat MIDA di luar negara atau pejabat negeri bagi nasihat dan bantuan lanjut.

Diterbitkan oleh:



MIDA ialah agensi kerajaan dalam mempromosi pelaburan dan pembangunan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk menyelia dan memacu pelaburan ke dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan di Malaysia. Penubuhan MIDA pada tahun 1967 telah dipuji oleh Bank Dunia sebagai "dorongan yang diperlukan untuk tindakan yang bertujuan promosi, positif dan diselaraskan" untuk pembangunan perindustrian Malaysia. Hari ini, MIDA telah berkembang menjadi sebuah organisasi yang kukuh dan dinamik dengan lebih 700 pekerja. Beribu pejabat di Kuala Lumpur Sentral, MIDA mempunyai 12 pejabat serantau dan 20 pejabat di luar negara. MIDA terus menjadi rakan kongsi strategik kepada perniagaan dalam merebut peluang yang timbul daripada revolusi teknologi era ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mida.gov.my dan ikuti kami di saluran Twitter, Instagram, Facebook, LinkedIn dan YouTube.

Satu Ringgit Malaysia dibahagi kepada 100 sen. Kini, kadar pertukaran Ringgit adalah kadar pertukaran terapung yang ditentukan oleh pasaran. Dalam brosur ini, kos yang disebut dalam Dolar AS ialah berdasarkan AS\$1 = RM4.129 (setakat 31 Mei 2021)

Untuk melihat kadar pertukaran bagi mata wang utama dunia, sila layari laman web Bank Negara Malaysia.

Kadar Pinjaman Purata Berwajaran (WALR): Bank Komersial 3.99% (setakat penghujung Disember 2020)

Sumber: Bank Negara Malaysia - www.bnm.gov.my

Penafian: Walaupun segala usaha telah diambil untuk mengesahkan ketepatan brosur ini, MIDA tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana orang atau syarikat yang timbul daripada penggunaan maklumat ini.

2021

Kandungan

MEMULAKAN PERNIAGAAN

4

- Yuran Utama perlu dibayar kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- Kadar Sewa untuk Ruang Pejabat Utama
- Kos Tanah Perindustrian & Bangunan Kilang

PENCUKAIAN DI MALAYSIA

6

- Cukai Syarikat
- Cukai Pendapatan Petroleum
- Cukai Pendapatan Perseorangan
- Cukai Tertahan
- Cukai Barangan & Perkhidmatan (SST)
- Duti Eksais
- Kadar Elaun Modal

SUMBER MANUSIA

8

- Syarat Minimum Pekerjaan
 - » Perintah Gaji Minimum 2016
 - » Akta Umur Persaraan Minimum 2012
- Caruman Berkanun
- Penggajian Ekspatriat
- Kadar Gaji

UTILITI

13

- Kadar Elektrik
- Kadar Air
- Kadar Pembentukan
- Kadar Rawatan Sisa Berjadual
- Kos Gas dan Bahan Api
- Kadar Telekomunikasi
- Perkhidmatan Internet

KOS PENGANGKUTAN

25

- Kadar Pengangkutan Kontena
- Kadar Tambang Muatan Laut
- Kadar Perkhidmatan Kurier
- Kadar Kargo Udara

TINGGAL DI MALAYSIA

29

- Kediaman Sewa
- Keahlian Kelab Golf
- Yuran Sekolah Antarabangsa
- Kadar Hotel
- Penjagaan Kesihatan
- Pembantu Domestik
- Pengangkutan Awam
- Tambang Penerbangan Domestik Purata
- Menjamu selera di luar di Malaysia
- Berbelanja di Kuala Lumpur
- Harga bagi Barang Pengguna Terpilih
- Barangan Tanpa Duti

ALAMAT PENTING

35

- Organisasi Berkaitan
- Pejabat MIDA Negeri
- Rangkaian MIDA di Seluruh Dunia



Memulakan Perniagaan



Syarikat yang menjalankan perniagaan di Malaysia mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat, 2016 (Akta 777).



Yuran perlu dibayar kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

(Merujuk kepada Peraturan Syarikat 2017)

Perkara	RM	AS\$
Permohonan bagi tempahan nama syarikat di bawah seksyen 27 Akta	RM 50.00 bagi setiap tiga puluh hari atau sebahagiannya dengan tempoh maksimum 180 hari	AS\$12.11 bagi setiap tiga puluh hari atau sebahagiannya dengan tempoh maksimum 180 hari
Permohonan bagi pemerbadanan di bawah Seksyen 14 Akta :		
(a) syarikat berhad menurut syer	1,000.00	242.00
(b) syarikat berhad menurut jaminan	3,000.00	726.00
(c) syarikat tidak berhad	1,000.00	242.00
Permohonan bagi pendaftaran syarikat asing di bawah Seksyen 562 Akta :		
(a) dengan modal syer		
i. tidak lebih daripada RM 1,000,000.00	5,000.00	1,211.00
ii. melebihi RM 1,000,000.00 tapi tidak melebihi RM 10,000,000.00	20,000.00	4,844.00
iii. melebihi RM 10,000,000.00 tapi tidak melebihi RM 50,000,000.00	40,000.00	9,688.00
iv. melebihi RM 50,000,000.00 tapi tidak melebihi RM 100,000,000.00	60,000.00	14,531.00
v. melebihi RM 100,000,000.00	70,000.00	16,953.00
(b) tanpa modal syer	70,000.00	16,953.00

Catatan: Untuk Senarai penuh yuran, sila layari laman web SSM di www.ssm.com.my

Sumber: Akta Syarikat, 2016 (Akta 777) & subsidiari perundangan.



Kadar Sewa untuk Ruang Pejabat Utama

Location	RM	AS\$
Alor Setar, Kedah	19.00 – 27.00	4.60 – 6.54
Georgetown, Pulau Pinang	Georgetown 27.00 – 38.00 Outside Georgetown 36.00 – 48.00	Georgetown 6.54 – 9.20 Outside Georgetown 8.72 – 11.62
Ipoh, Perak	17.00 – 24.00	4.12 – 5.81
Kuala Lumpur*	59.60 – 118.00*	15.74 – 28.58*
Petaling Jaya, Selangor	60.00 – 69.00	14.43 – 16.71
Seremban, Negeri Sembilan	20.00 – 32.00	4.84 – 7.75
Melaka	26.00 – 38.00	6.30 – 9.20
Johor Bharu, Johor	Tempoh Bangunan > 5 tahun 27.00 – 32.00 Tempoh Bangunan < 5 tahun 38.00 – 48.00	Tempoh Bangunan > 5 tahun 6.54 – 7.75 Tempoh Bangunan < 5 tahun 9.20 – 11.62
Kuantan, Pahang	16.00 – 27.00	3.87 – 6.54
Kuala Terengganu, Terengganu	30.00 – 40.00	7.26 – 9.69
Kota Bharu, Kelantan	12.00 – 28.00	2.91 – 6.78
Kota Kinabalu, Sabah	16.00 – 65.00	3.87 – 15.74
Kuching, Sarawak	22.00 – 38.00	5.32 – 9.20

Sewa di atas adalah sewa permintaan kasar per meter persegi sebulan termasuk caj perkhidmatan.

* Sewa tidak termasuk Menara Berkembar Petronas

Sumber: Penyelidikan CBRE / WTW, Mac 2021.



Kos Tanah Perindustrian & Bangunan Kilang

Kos Tanah Perindustrian*				Kos Kilang Siap Bina*	
Lokasi	Harga Jualan bagi satu kaki persegi	Cukai Tanah setahun	Kadar Taksiran Tahunan (% nilai harta)	Harga Jualan bagi satu kaki persegi keluasan lantai	Sewa sebulan bagi satu kaki per segi
Perlis	RM8.00 – 12.00 AS\$1.94 – 2.91	RM296.50 per 100m ² AS\$71.81 per 100m ²	8 - 10	RM436.00 AS\$105.60	RM0.75 AS\$0.18
Kedah (PKNK)	RM5.00 – 20.00 AS\$1.21 – 4.84	RM0.80 – 1.60 per m ² AS\$0.19 – 0.39 per m ²	10 – 12	RM50.00 – 70.00 AS\$12.11 – 16.95	RM0.50 – 0.70 AS\$0.12 – 0.17
Kedah (KHTP)	RM45.00 AS\$10.90	RM2,000 – 3,000 sehektar AS\$484 – 727 sehektar	8	Tidak berkenaan	RM2.00 AS\$0.48
Kedah (KSTP)	RM15.00 – 30.00 AS\$3.63 – 7.27	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
Penang	Pulau (berdasarkan Penilaian)	Pulau : RM1.29 AS\$0.31 meter persegi (minimum RM300 AS\$72.66 per lot)	MBPP (Pulau) 12	Pulau RM180.00 – 440.00 AS\$43.59 – 107.00	Pulau RM1.50 – 3.50 AS\$0.36 – 0.85
	Tanah Besar Penang Science Park dan Penang Science Park North RM 50.00 AS\$12.11 sehektar untuk 60 tahun pegangan pajakan	Tanah Besar : RM1.08 AS\$0.26 meter persegi	MBSP (Tanah Besar) 12	Tanah Besar RM 150.00 -350.00 AS\$36.33 – 84.76	Tanah Besar RM1.00 – 2.00 AS\$0.24 – 0.48
	Taman Perindustrian Batu Kawan RM 55.00 AS\$13.32 sehektar untuk 60 tahun pegangan pajakan				
Perak	RM18.00 – 38.00 AS\$4.36 – 9.20	RM0.40 – 0.90 sehektar AS\$0.10 – 0.22 sehektar	10 – 16	RM80 – 180 AS\$19.38 – 43.59	RM0.60 – 1.70 AS\$0.14 – 0.41
Selangor	RM65.00 – 200.00 AS\$15.74 – 48.44	RM2,700 – 24,000 sehektar AS\$654 - AS\$5,813 sehektar	8 – 13	RM100.00 – 500.00 AS\$24.21 – 121.00	RM1.50 – 3.00 AS\$0.36 – 0.73
Negeri Sembilan	RM20.00 – 70.00 AS\$4.84 – 16.59	RM1,976.84 – 7,700.00 sehektar AS\$478.00 – 1,864.00 sehektar	8 – 13	RM74.00 – 400.00 AS\$17.92 – 96.88	RM0.90 – 1.50 AS\$0.22 – 0.36
Melaka	RM30.00 – 59.00 AS\$7.27 – 14.29	RM 60 – 240 per 100m ² AS\$14.53 – 58.13 per 100m ²	Bangunan 0.35 – 0.55 Tanah Kosong 0.07 – 0.5	RM100.00 – 200.00 AS\$24.21 – 48.48	RM1.00 – 2.00 AS\$0.24 – 0.48
Johor	RM25.00 – 90.00 AS\$6.05 – 21.80	Industri Ringan : RM1,600 sehektar AS\$388 sehektar Industri Sederhana : RM2,100 sehektar AS\$509 sehektar Industri Berat : RM2,400 sehektar AS\$581 sehektar	0.33 – 1.0	RM140.00 – 400.00 AS\$33.91 – 96.88	RM1.20 – 3.00 AS\$0.29 – 0.73
Pahang	RM7.00 – 21.00 AS\$1.70 – 5.09	RM 15.00 – 21.00 setiap kaki persegi AS\$3.63 – 5.08 setiap kaki persegi	7	RM50.00 – 127.00 AS\$12.11 – 30.76	RM0.40 – 0.60 AS\$0.09 – 0.15
Terengganu	RM1.95 – 11.50 AS\$0.47 – 2.79	RM8 – 20 per 100m ² AS\$1.94 – 4.84 per 100m ²	5 – 10	Bergantung kepada pasaran/daerah	Bergantung kepada pasaran/daerah
Kelantan	RM26.00 – 27.00 AS\$6.30 – 6.54	RM7,000 sehektar AS\$1,695 sehektar	5 – 12	RM100.00 – 150.00 AS\$24.22 – 36.33	RM0.75 – 0.85 AS\$0.18 – 0.21
Sabah* - KKIP	RM20.50 – 28.00 AS\$4.96 – 6.78	RM0.25 setiap kaki persegi AS\$0.06 setiap kaki persegi	9 – 15	Berkembar RM1.9 mil – 4 mil AS\$460,160 – 968,758 Separa Berkembar RM 1.4 mil – 1.6 mil AS\$322,000 – 368,000 Kluster RM 700,000 – 900,000 AS\$161,000 – 207,000 (Hanya untuk disewa)	Kilang siap bina Fasa 5 (akan datang)
- POIC	RM26.00 – 30.00 AS\$6.29 – 7.26	RM 0.05 setiap kaki persegi AS\$0.01 setiap kaki persegi	-		RM1.25 setiap kaki persegi AS\$0.30 (15,000 setiap meter persegi – 3 unit tersedia)
Sarawak	RM8.00 – 20.00 AS\$1.93 – 4.84	0.05 per m ² (Tanah Kerajaan) 0.07 - 0.27 per m ² (Tanah Bandar dan Pinggir Bandar)	5.5 – 25.17	RM49.00 setiap kaki persegi AS\$11.87 (berdasarkan harga sewa dan harga semasa MINTRED)	RM0.25 setiap kaki persegi AS\$0.06 (berdasarkan harga sewa dan harga semasa MINTRED)

Sumber : MIDA Negeri

Pencukaaian di Malaysia

Pendapatan mana-mana individu termasuk syarikat, terakru atau diperolehi di Malaysia daripada luar Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Walaupun bagaimanapun, berkuat kuasa daripada tahun taksiran (YA) 2004, pendapatan yang diterima di Malaysia dari sumber luar Malaysia oleh mana-mana individu selain daripada syarikat bermastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insuran, pengangkutan laut atau udara adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Pendapatan adalah ditaksir berdasarkan pada tahun semasa dan sistem taksiran cukai dikendalikan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan Sistem Taksiran Sendiri Diri (SAS). Dalam (SAS), pembayar cukai perlu mengisytiharkan pendapatan diri secara jujur bagi mengira cukai yang perlu dibayar. Tanggungjawab mengenai perihal cukai telah dipindahkan kepada pembayar cukai. Mereka perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang cukai bagi mentaksir liabiliti cukai secara betul dengan mengemukakan borang cukai taksiran melalui e-filing.

Kadar Cukai bagi Tahun Taksiran 2021 adalah seperti berikut:



Cukai Syarikat

Syarikat bermastautin dan bukan bermastautin	24%
Syarikat bermastautin dengan modal berbayar saham biasa sebanyak RM2.5 juta (AS\$605,327) dan kurang pada awal tempoh asas bagi satu tahun taksiran dengan jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta (AS\$12,106,538) :	
• atas kependapatan tercukai RM600,000 (AS\$145,278) pertama	17%
• atas kependapatan tercukai seterusnya	24%



Cukai Pendapatan Petroleum

Individu yang menjalankan operasi utama petroleum akan dikenakan Cukai Pendapatan Petroleum (PITA) 1967.	38%
Semenjak YA 2010, sistem taksiran di bawah PITA telah berubah kepada berasaskan tahun semasa dan sistem taksiran sendiri	



Cukai Pendapatan Perseorangan

Individu pemastautin dengan pendapatan tercukai (selepas pelepasan bantuan peribadi) melebihi RM5,000 (AS\$1,211) dan tidak lebih dari RM2,000,000 (AS\$484,262)	1 - 28%
Individu pemastautin dengan pendapatan tercukai (selepas pelepasan bantuan peribadi) melebihi RM2,000,000 (AS\$484,262)	30%
Individu bukan pemastautin (tidak layak mendapat apa-apa pelepasan bantuan peribadi)	30%



Cukai Tertahan

Cukai tertahan adalah jumlah yang ditahan oleh pihak yang membuat pembayaran ke atas pendapatan yang diperolehi oleh individu atau syarikat pemastautin dan jumlah yang ditahan diserahkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.	
Kadar cukai adalah berdasarkan kumpulan pendapatan dan dinyatakan sama ada dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Perjanjian Pencukaaian Dua Kali. Beberapa kumpulan pendapatan adalah seperti berikut:	
• Kumpulan Khusus pendapatan yang diterima daripada Malaysia:	10%
i. Jumlah yang dibayar untuk perkhidmatan yang diberikan oleh orang bukan pemastautin berkaitan dengan penggunaan harta atau hak milik atau pemasangan atau operasi mana-mana loji, mesin atau alat lain yang dibeli dari orang bukan pemastautin)	
ii. Jumlah yang dibayar bagi nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan diberikan berkaitan dengan pengurusan teknikal atau pentadbiran projek saintifik, perindustrian atau komersial	
iii. Sewa atau bayaran lain bagi penggunaan hartanah boleh alih	
• Faedah yang diperolehi daripada Malaysia	15%
• Royalti yang diperolehi daripada Malaysia	10%
• Gaji atau pendapatan lain daripada perkhidmatan yang dilakukan atau yang diberikan di Malaysia oleh penghibur awam	15%
• Pembayaran kontrak:	
i. Pembayaran kepada kontraktor bukan pemastautin	10%
ii. Pembayaran oleh pekerja dari kontraktor bukan pemastautin	3%
• Perolehan atau keuntungan dibawah perenggan 4(f) Akta Cukai Pendapatan 1967	10%

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri – www.hasil.org.my

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

Berkuatkuasa 1 September 2018, Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bersama-sama dengan undang-undang subsidiari masing-masing diperkenalkan bagi menggantikan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014.

Cukai Jualan

Di bawah Akta Cukai Jualan 2018, cukai jualan dikenakan dikenakan ke atas barangan import dan buatan tempatan sama ada pada masa pengimportan atau pada masa barang-barang yang dijual atau dilupuskan oleh pengilang berdaftar. Cukai jualan yang ditadbir di Malaysia adalah cukai satu peringkat yang dikenakan ke atas barang yang siap dikilang di Malaysia dan barang yang diimport ke Malaysia. Cukai jualan dikenakan ke atas barang kena cukai yang dikilangkan di Malaysia dengan mana-mana pengilang berdaftar pada masa barang-barang yang dijual, dilupuskan selain daripada jualan atau digunakan selain sebagai bahan dalam pembuatan barangan. Cukai jualan ke atas barangan import dikenakan apabila barang telah diisytiharkan, duti yang dibayar dan dibebaskan dari kawalan kastam. Pengilang yang mengeluarkan barangan yang boleh dikenakan cukai dengan nilai jualan melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan, dikehendaki didaftarkan menurut Seksyen 12 Akta Cukai Jualan 2018. Pengilang yang mengeluarkan barangan yang boleh dikenakan cukai dengan nilai jualan sebanyak RM500,000 dan ke bawah, mempunyai pilihan untuk didaftarkan secara sukarela di bawah Seksyen 14 Akta Cukai Jualan 2018 untuk membolehkan mereka menikmati kemudahan yang diberikan di bawah Akta. Pengilang yang menjalankan perniagaannya sebagai subkontraktor dan mempunyai jumlah buruh subkontrak kerja melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan, dikehendaki didaftarkan menurut Seksyen 12 Jualan Akta Cukai 2018.

Kadar Cukai Jualan

Cukai jualan pada umumnya ialah 10%, terdiri daripada makanan bukan keperluan tertentu, minuman beralkohol, tembakau / rokok dan bahan binaan dikenakan cukai sebanyak 5% manakala produk petroleum dan minyak motor tertentu dikenakan pada kadar cukai individu tertentu.

Cukai Perkhidmatan

Cukai perkhidmatan di Malaysia adalah satu bentuk cukai tak langsung yang dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu yang digelar sebagai "boleh dikenakan cukai perkhidmatan". Cukai Perkhidmatan tidak boleh dilevi ke atas perkhidmatan yang tidak termasuk dalam senarai perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Jadual Peraturan Pertama Cukai Perkhidmatan 2018. Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (STA 2018) terpakai di seluruh Malaysia tidak termasuk kawasan yang ditetapkan, zon bebas, gudang berlesen, gudang perkilangan berlesen dan Kawasan Pembangunan Bersama (JDA).

Perkhidmatan Kena Cukai

Perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai adalah sebarang perkhidmatan yang disenaraikan dalam pelbagai kategori dalam Jadual Peraturan Pertama Cukai Perkhidmatan 2018. Mana-mana orang yang dikenakan cukai yang memberikan perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai dan melebihi kadar masing-masing adalah dikehendaki berdaftar. Kategori cukai tersebut adalah tempat penginapan, pengendali makanan dan minuman, kelab malam, dewan tarian, pusat kesihatan dan kesejahteraan, kelab persendirian, kelab golf dan rangkaian padang golf, perkhidmatan permainan dan pertaruhan, perkhidmatan profesional dan penyedia perkhidmatan lain seperti insurans, telekomunikasi, pengendali tempat letak kereta, pengiklanan dan sebagainya.

Caj Cukai

Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas sebarang peruntukan perkhidmatan bercukai yang disediakan di Malaysia oleh mereka yang menjalankan perniagaan dan berdaftar di Malaysia. Cukai perkhidmatan akan dibayar dan apabila pembayaran diterima untuk sebarang perkhidmatan yang dikenakan cukai yang diberikan kepada pelanggan oleh orang berdaftar. Cukai perkhidmatan tidak dikenakan untuk perkhidmatan yang diimport dan dieksport di bawah STA 2018.

Kadar Cukai Perkhidmatan

Kadar cukai perkhidmatan ditetapkan di bawah Perintah Cukai Perkhidmatan (Tarif Cukai) 2018 dan berkuat kuasa pada 1 September 2018. Kadar cukai perkhidmatan adalah 6% daripada harga atau premium untuk polisi insurans, nilai permainan pertaruhan, dan lain-lain perkhidmatan yang dikenakan cukai sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 9 STA 2018.

Kadar Cukai Perkhidmatan untuk Kad Kredit dan Caj

Kadar cukai perkhidmatan untuk penyediaan kad kredit atau perkhidmatan kad caj adalah RM25 setahun pada prinsipal dan kad tambahan. Cukai perkhidmatan dikenakan pada tarikh pengeluaran kad dan setiap 12 bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas penerbitan kad atau pada tarikh pembaharuan kad dan setiap 12 bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas pembaharuan kad. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mysst.customs.gov.my/>

Sumber: Kastam Di Raja Malaysia – www.customs.gov.my

Duti Eksais

Duti eksais dikenakan ke atas barangan import dan barangan buatan tempatan di bawah Akta Eksais 1976, Barangan disenaraikan di bawah Perintah Duti Eksais 2004. Barangan termasuk:

Barangan	Kadar Duti
• Kereta • Pacuan 4 roda • Motosikal	65% - 105% 60% - 105% 20% - 30%
• Minuman, minuman keras dan cuka	RM1.10 (AS\$0.27) dan 15% - RM450 (AS\$109) setiap 100% isipadu per liter
• Tembakau dan tembakau proses tiruan	RM0.40 (AS\$0.10) sebatang RM400 (AS\$96.85)

Sumber: Kastam Di Raja Malaysia – www.customs.gov.my

Kadar Elaun Modal

Elaun modal diberikan ke atas perbelanjaan modal yang layak. Elaun permulaan boleh dituntut pada tahun pertama perbelanjaan modal dilakukan manakala elaun tahunan boleh dituntut setiap tahun dengan kaedah garis lurus. Kadar elaun untuk beberapa item ditunjukkan dalam jadual di bawah. Bagi bangunan perindustrian, loji dan jentera, syarikat dinasihatkan untuk membuat pengesahan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mengenai item tertentu yang layak.



Perbelanjaan Modal	Elaun Permulaan	Elaun Tahunan
• Bangunan Perindustrian	10%	3%
• Loji dan jentera am	20%	14%
• Jentera berat dan kenderaan bermotor	20%	20%
• Komputer dan kelengkapan IT	20%	20%
• Kelengkapan dan kawalan alam sekitar	40%	20%
• Lain-lain	20%	10%

Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri – www.hasil.org.my



Syarat Minimum Pekerjaan

Akta Pekerjaan, 1955 adalah perundangan utama berkenaan dengan pekerjaan di Malaysia

Cuti bersalin bergaji	: 60 hari
Waktu kerja biasa	: Tidak melebihi lapan jam sehari atau 48 jam seminggu
Cuti Umum bergaji	: Sekurang-kurangnya 11 hari cuti umum yang diwartakan (termasuk lima hari cuti umum Hari wajib; Kebangsaan, Keputeraan Yang Dipertuan Agong, Keputeraan Sultan/Hari Wilayah, Hari Buruh dan Hari Malaysia) dalam satu tahun kalendar dan mana-mana hari yang diisytiharkan sebagai hari cuti umum di bawah seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951

Cuti tahunan bergaji untuk pekerja:

Kurang daripada dua tahun perkhidmatan	: 8 hari
Dua tahun perkhidmatan atau lebih tetapi : 12 hari kurang daripada lima tahun	
Lebih daripada lima tahun perkhidmatan	: 16 hari

* Cuti tahunan bergaji yang disediakan untuk pekerja.

Cuti sakit bergaji bagi satu tahun kalendar:

Kurang daripada dua tahun perkhidmatan	: 14 hari
Dua tahun perkhidmatan atau lebih tetapi : 18 hari kurang daripada lima tahun	
Lebih daripada lima tahun perkhidmatan	: 22 days
Apabila penghospitalan	: Sehingga 60 hari (termasuk cuti sakit bergaji yang layak yang dinyatakan di atas pada setiap kalendar tahunan)

* Cuti sakit bergaji minimum yang disediakan untuk pekerja.

Bayaran bagi kerja lebih masa:

Hari Kerja biasa	: Satu setengah kali kadar bayaran gaji sejam
Cuti Rehat	: Dua kali kadar bayaran gaji sejam
Cuti Umum	: Tiga kali kadar bayaran gaji sejam

Perintah Gaji Minimum 2020

Secara umumnya, gaji di Malaysia tidak diatur dan bergantung kepada kuasa permintaan dan penawaran pasaran. Perintah Gaji Minimum 2020 telah menggariskan gaji minimum yang perlu dibayar kepada pekerja yang berada dalam Jadual Pertama Akta Pekerjaan 1955. Gaji Minimum ditakrifkan sebagai gaji asas, termasuk elaun atau bayaran lain. Gaji minimum sebanyak RM1,200 (**US\$291**) telah ditetapkan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan. Majikan tidak dibenarkan membayar kurang daripada jumlah yang telah ditetapkan. Semua pekerja tempatan dan asing berhak menerima gaji minimum yang termaktub dalam Perintah tersebut.

Akta Umur Persaraan Minimum 2012

Umur Persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila seseorang pekerja telah mencapai umur 60 tahun. Jadual dalam Akta mengecualikan seseorang yang tidak termaktub dalam Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia – www.mohr.gov.my

Sumber Manusia – Caruman Berkanun

Caruman Berkanun di bawah Akta Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) 1991 bermula 1 Januari 2021:

Kumpulan Umur 60 Tahun dan Kebawah (setakat 28 Februari 2020)	
Majikan	Pekerja
a) Gaji bulanan RM5,000 (AS\$1,211) dan kurang. Kadar caruman sebanyak 13% daripada gaji bulanan pekerja b) Gaji bulanan yang melebihi RM5,000 (AS\$1,211). Kadar caruman sebanyak 12% daripada gaji bulanan pekerja (Jadual Ketiga (Bahagian A) Akta KWSP, 1991)	Kadar caruman 9% daripada gaji bulanan pekerja
Kumpulan Umur 60-75 Tahun	
Majikan	Pekerja
(i) Warganegara Malaysia	
Kadar caruman 4% daripada gaji bulanan majikan (Jadual Ketiga (Bahagian E) Akta KWSP 1991)	Kadar caruman 0% daripada gaji bulanan pekerja
(ii) Penduduk Tetap	
a) Gaji bulanan RM5,000 (AS\$1,211) dan kurang. Kadar caruman sebanyak 6.5% daripada gaji bulanan pekerja b) Gaji bulanan yang melebihi RM5,000 (AS\$1,211). Kadar caruman sebanyak 6% daripada gaji bulanan pekerja (Jadual Ketiga (Bahagian C) Akta KWSP 1991)	Kadar caruman 5.5% daripada gaji bulanan pekerja

Semua pekerja asing dan ekspatriat dan majikan mereka adalah dikecualikan daripada caruman berkanun. Mereka bagaimanapun boleh memilih untuk menyumbang dan kadar berkenaan adalah seperti berikut:

Kumpulan Umur 60 Tahun dan kebawah

Majikan – RM5.00 (AS\$1.21) setiap pekerja setiap bulan
Pekerja – 9% daripada gaji bulanan pekerja

(Jadual Ketiga (Bahagian B) Akta KWSP 1991)

Sumber: Kumpulan Simpanan Wang Pekerja – www.kwsp.gov.my

Kumpulan Umur 60-75 Tahun

Majikan – RM5.00 (AS\$1.21) setiap pekerja setiap bulan
Pekerja – 5.5% daripada gaji bulanan pekerja

(Jadual Ketiga (Bahagian D) Akta KWSP 1991)



LIPUTAN AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 (AKTA 4)

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyediakan dua skim keselamatan sosial untuk melindungi kebajikan pekerja dan tanggungan mereka di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4). Dua skim keselamatan sosial ini ialah:

- **Skim Bencana Pekerjaan**
- **Skim Keilatan**

Skim Bencana Pekerjaan

Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan atau suatu penyakit yang berpunca atau terbit daripada pekerjaannya. Faedah yang ditawarkan di bawah Skim Bencana Pekerjaan merangkumi Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Faedah Rehabilitasi dan Faedah Pendidikan.

Skim Keilatan

Skim Keilatan memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja yang mengalami keilatan atau kematian akibat dari sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan. Namun, pekerja hendaklah memenuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan sebagai pencen keilatan. Faedah yang ditawarkan di bawah Skim Keilatan merangkumi Pencen Ilat, Bantuan Ilat, Elaun Layanan Sentiasa, Pencen Penakat, Faedah Pengurusan Mayat, Faedah Rehabilitasi dan Faedah Pendidikan.

Caruman

Caruman kepada PERKESO diwajibkan di bawah Akta untuk majikan dan pekerja yang layak.

Caruman ini terbahagi kepada dua (2) jenis, iaitu:

• Kategori Pertama

Caruman Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Caruman hendaklah dibayar oleh majikan dan pekerja. Kadar caruman di bawah jenis ini adalah terdiri daripada 1.75% syer majikan dan 0.5% syer pekerja berdasarkan gaji bulanan pekerja itu, mengikut kadar jadual caruman yang telah ditetapkan.

• Kategori Kedua

Kadar caruman di bawah jenis ini adalah daripada syer majikan sahaja, iaitu sebanyak 1.25% daripada gaji bulanan pekerja itu, mengikut jadual caruman yang telah ditetapkan. Semua pekerja yang telah mencapai umur 60 tahun perlu dicarumkan di bawah Kategori Kedua bagi perlindungan Skim Bencana Pekerjaan sahaja.

Kelayakan Majikan

Mana-mana majikan yang mengambil satu atau lebih pekerja sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta dikehendaki untuk mendaftar dan membuat caruman kepada PERKESO.

Kelayakan Pekerja

Semua pekerja yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dalam sektor swasta dan kakitangan kontrak / sementara Kerajaan Persekutuan / Negeri serta Badan Berkanun Persekutuan / Negeri perlu didaftarkan dan dilindungi oleh PERKESO. Kadar sumbangan dihadkan pada siling gaji bulanan sebanyak RM4,000.00 (AS\$ 969).

Pekerja yang dikecualikan daripada liputan Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 adalah seperti berikut:

- i. Pekerja tetap Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- ii. Hamba domestik
- iii. Bekerja sendiri (tidak termasuk pemandu teksi individu dan individu yang menyediakan perkhidmatan yang serupa termasuk pemandu e-hailing seperti GrabCar serta pemandu bas bekerja sendiri)
- iv. Pasangan dari pemilik tunggal atau pemilik perkongsian

AKTA SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017 (AKTA 789)

Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) berkuat kuasa pada 1 Jun 2017. Pada masa ini, Akta ini memberi perlindungan di bawah Skim Kecelakaan Pekerjaan Sendiri untuk pemandu dan individu pemandu teksi yang bekerja sendiri serta menyediakan perkhidmatan serupa termasuk pemandu e-hailing seperti GrabCar serta pemandu bas yang bekerja sendiri seperti bas bertingkat, bas sewa, bas ekspres, bas mini, bas pekerja, bas pengantara, bas sekolah dan bas lapangan terbang. Skim ini memberi perlindungan kepada orang berinsurans yang bekerja sendiri dan tanggungan mereka dari kecederaan pekerjaan termasuk penyakit dan kemalangan semasa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan. Ia memberi faedah tunai kepada pemandu teksi dan tanggungan mereka selain menyediakan rawatan perubatan, pemulihan fizikal dan latihan vokasional. Tempoh perlindungan adalah 12 bulan dari tarikh dan masa sumbangan yang telah dibayar. Kadar caruman yang ditetapkan adalah 1.25% sebulan daripada pilihan gaji yang diinsuranskan.

AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 (AKTA 800)

Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) telah dilaksanakan pada Januari 2018 untuk memberi bantuan kewangan segera kepada pekerja yang diinsuranskan yang kehilangan pekerjaan mereka. Pekerja yang terlibat juga akan dibantu mencari kerja baru dan jika perlu, mereka diberi latihan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Objektif EIS

- i. Menyediakan bantuan kewangan segera kepada pencarum yang hilang pekerjaan
- ii. Membantu pencarum yang hilang pekerjaan mendapat pekerjaan baru melalui Program Penempatan Semula Pekerjaan
- iii. Meningkatkan kebolehpasaran pencarum yang hilang pekerjaan melalui latihan vokasional

Liputan EIS

- i. Semua majikan sektor swasta perlu membayar caruman bulanan bagi setiap pekerja. (Dikecualikan kepada penjawat awam, pekhidmat domestik dan yang bekerja sendiri)
- ii. Pekerja adalah orang yang diambil bekerja oleh majikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan. Kontrak perkhidmatan atau perantisan itu sama ada dalam bentuk bertulis atau secara lisan, nyata atau tersirat.
- iii. Semua pekerja berumur 18 hingga 60 tahun perlu menyumbang. Bagaimanapun, pekerja berusia 57 tahun ke atas yang tidak mempunyai sumbangan sebelum umur 57 tahun dikecualikan.
- iv. Liputan caruman adalah tertakluk kepada had siling gaji yang diinsuranskan iaitu RM4,000.00 (AS\$969)

Kadar Caruman EIS

Majikan : 0.2%

Pekerja: 0.2%

Faedah EIS

- | | | |
|---------------------------------|--------------------------------------|-------------------------|
| • Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) | • Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) | • Fi/Yuran Latihan (FL) |
| • Elaun Latihan (EL) | • Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) | • Kaunseling Kerjaya |
| • Program Penempatan Pekerjaan | | |

Lanjutan Liputan Keselamatan Sosial

Pasangan

Sehingga 1 Julai 2018, PERKESO telah memperluaskan perlindungan keselamatan sosial kepada pasangan yang bekerja dengan suami/isteri mereka dalam perusahaan di bawah Akta 4 dan Akta 800. Dengan lanjutan perlindungan keselamatan sosial, isteri atau suami yang berkecualikan yang masing-masing bekerja dengan pasangan mereka di bawah Akta 4 dan Akta 800 akan dilindungi oleh keselamatan sosial di bawah kedua-dua Akta.

Samb...

Pekerja Asing

PERKESO juga telah meluaskan liputannya untuk semua pekerja asing yang sah (tidak termasuk pekerja domestik) di Malaysia, berkuat kuasa 1 Januari 2019, di mana mereka akan dilindungi oleh Skim Kecelakaan Pekerjaan (EI) di bawah Akta 4. Kadar sumbangan adalah 1.25% gaji bulanan dan dibayar oleh majikan. Skim EI menyediakan perlindungan kepada pekerja daripada kemalangan atau penyakit yang timbul daripada dan dalam masa pekerjaannya serta kemalangan perjalanan.

Program 'Return To Work' (RTW)

Program RTW diperkenalkan pada tahun 2007 sebagai pendekatan proaktif dalam membantu Orang yang Diinsuranskan oleh SOCSO yang mengalami kecederaan atau jatuh sakit. Pekerja yang cedera atau sakit yang telah berjaya menjalani program RTW SOCSO akan dapat terus menyokong kewangan peribadi dan keluarga mereka serta menjadi tenaga kerja produktif negara sekali lagi, sehingga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (TRRC)

Pusat PERKESO TRRC, yang terletak di Hang Tuah Jaya di Banda Hijau, Melaka, memulakan operasinya pada 1 Oktober 2014. Pusat ini menyokong program RTW dengan menyediakan kemudahan yang komprehensif kepada para peserta yang dirujuk untuk pemulihan disitu sehingga Orang yang Diinsuranskan dapat kembali aktif ke dalam dunia bekerja, menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi keluarga, masyarakat dan negara.

Program Saringan Kesihatan (HSP)

PERKESO memperkenalkan Program Saringan Kesihatan (HSP) pada tahun 2013 di mana ia mendedarkan baucar pemeriksaan kesihatan kepada pekerja yang diinsuranskan apabila mereka berumur 40. Program HSP adalah sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan amalan gaya hidup yang sihat dan seterusnya menangani penyakit tidak berjangkit di kalangan pekerja.

Sumber : Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) – www.perkeso.gov.my

Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612)

Akta Pembangunan Sumber Manusia 2001 (Akta 612) ialah Akta yang mengawal peranan, tanggungjawab, fungsi dan kuasa HRD Corp. Akta tersebut menyenaraikan peruntukan bagi pengenalan dan kutipan levi pembangunan sumber manusia (HRD) bagi tujuan membiayai latihan dan pengembangan pekerja, perantis dan pelatih; penubuhan dan pentadbiran Dana oleh Perbadanan; dan semua perkara-perkara lain yang berkaitan.

Setiap majikan yang dilindungi di bawah Jadual Pertama Akta tersebut dikehendaki membayar levi pembangunan sumber manusia untuk pekerjaannya pada kadar satu peratus daripada gaji bulanan mereka.

• Kriteria Kelayakan untuk Pendaftaran

Kategori Wajib (1% Levi)	Majikan yang mempunyai 10 Pekerja Malaysia dan ke atas
Kategori Sukarela (Levi 0.5%)	Majikan dengan 5 hingga 9 Pekerja Malaysia

Mulai 1 Mac 2021, Akta ini telah diperluaskan untuk meliputi lebih banyak sektor dan subsektor. Senarai penuh sektor boleh didapati di www.hrdcorp.gov.my.

Sumber: Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) – www.hrdf.com.my

Penggajian Ekspatriat

Pas penggajian adalah dikeluarkan kepada ekspatriat yang membolehkan dia untuk tinggal dan berkerja secara sah di dalam negara. Terdapat dua jenis pas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen bergantung kepada kontrak tempoh penggajian dan pendapatan bulanan yang diterima oleh ekspatriat tersebut.

No.	Jenis Pas	Yuran Pembayaran																																																																									
A.	Pas Penggajian (PG) Pas ini dikeluarkan untuk jawatan penting dan jawatan tempoh tertakluk kepada syarat berikut: - Tempoh kontrak penggajian ialah dua (2) tahun dan setem - Pendapatan tidak kurang daripada RM 5,000 (AS\$1,150).	i. Pas Penggajian: - Jawatan Penting RM300.00 (AS\$72.64) setahun atau sebahagian. - Jawatan Pengurusan / Kanan / Pertengahan / Professional RM 200.00 (AS\$48.42) setahun atau sebahagian. ii. Yuran Proses - RM50.00 (AS\$12.11). iii. Visa melakukan Perjalanan RM500.00 (AS\$121) satu jawatan/permohonan (tertakluk kepada keperluan visa kemasukan ke dalam setiap negara asal iv. Tiada caj Levi																																																																									
B.	Pas Lawatan Pas Pelawat (Pekerjaan Sementara) di bawah kelulusan Jawatankuasa Ekspatriat adalah tertakluk kepada tempoh kontrak dan gaji bulanan Pegawai Ekspatriat.	i. Yuran & Caj Levi <table><tr><th rowspan="3">No. Sektor</th><th colspan="3">Yuran & Caj</th></tr><tr><th colspan="2">Semenanjung Malaysia</th><th rowspan="2">Sabah & Sarawak</th></tr><tr><th>Tahunan (RM)</th><th>Bulanan (RM)</th></tr><tr><td>Pembuatan</td><td>1,200</td><td>100</td><td>960</td></tr><tr><td>Pembinaan</td><td>1,200</td><td>100</td><td>960</td></tr><tr><td>Perladangan</td><td>540</td><td>45</td><td>540</td></tr><tr><td>Pertanian</td><td>360</td><td>30</td><td>360</td></tr><tr><td>Perkhidmatan</td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td>- Restoran</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr><tr><td>- Pembersihan</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr><tr><td>- Penyerahan Kargo</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr><tr><td>- Kedai Dobi</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr><tr><td>- Kedi</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr><tr><td>- Gunting Rambut</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr><tr><td>- Pemborongan & Peruncitan</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr><tr><td>- Tekstil</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr><tr><td>- Besi Buruk</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr><tr><td>Kebajikan</td><td>600</td><td>50</td><td>600</td></tr><tr><td>Lain - lain</td><td>1,800</td><td>150</td><td>1,440</td></tr></table> ii. Yuran Proses : RM50.00(AS\$12.11) . iii. Visa melakukan perjalanan (jika berkenaan): RM500 (AS\$121.00) (termasuk Visa berasaskan negara asal - (jika berkenaan)	No. Sektor	Yuran & Caj			Semenanjung Malaysia		Sabah & Sarawak	Tahunan (RM)	Bulanan (RM)	Pembuatan	1,200	100	960	Pembinaan	1,200	100	960	Perladangan	540	45	540	Pertanian	360	30	360	Perkhidmatan				- Restoran	1,800	150	1,440	- Pembersihan	1,800	150	1,440	- Penyerahan Kargo	1,800	150	1,440	- Kedai Dobi	1,800	150	1,440	- Kedi	1,800	150	1,440	- Gunting Rambut	1,800	150	1,440	- Pemborongan & Peruncitan	1,800	150	1,440	- Tekstil	1,800	150	1,440	- Besi Buruk	1,800	150	1,440	Kebajikan	600	50	600	Lain - lain	1,800	150	1,440
No. Sektor	Yuran & Caj																																																																										
	Semenanjung Malaysia			Sabah & Sarawak																																																																							
	Tahunan (RM)	Bulanan (RM)																																																																									
Pembuatan	1,200	100	960																																																																								
Pembinaan	1,200	100	960																																																																								
Perladangan	540	45	540																																																																								
Pertanian	360	30	360																																																																								
Perkhidmatan																																																																											
- Restoran	1,800	150	1,440																																																																								
- Pembersihan	1,800	150	1,440																																																																								
- Penyerahan Kargo	1,800	150	1,440																																																																								
- Kedai Dobi	1,800	150	1,440																																																																								
- Kedi	1,800	150	1,440																																																																								
- Gunting Rambut	1,800	150	1,440																																																																								
- Pemborongan & Peruncitan	1,800	150	1,440																																																																								
- Tekstil	1,800	150	1,440																																																																								
